

Malaysia perlu kilang proses produk susu bayi

Kuala Lumpur: Kerajaan perlu menggalakkan industri mewujudkan pusat inovasi dan kilang memproses susu tepung rumusan bayi di Malaysia, bagi membolehkan produk berkenaan dijual pada harga lebih rendah.

Kajian Pasaran Sektor Makanan dan Kenderaan Suruhanjaya Persidangan Malaysia (MyCC) juga mencadangkan kerajaan mengenal pasti syarikat tempatan berkeupayaan untuk menceburi sektor penghasilan produk itu, selain memperkenalkan jenama dalaman yang berjaya menstabilkan harganya seperti dilakukan di Korea Selatan dan Itali.

Hasil kajian, MyCC mendapati purata harga susu tepung rumusan seberat 900 gram bagi bayi berusia enam hingga 12 bulan berjenama perdana di Malaysia paling murah adalah RM30.50, manakala jenama premium pula RM114.99.

Kajian itu turut menyebut susu tepung rumusan bayi dikilangkan di Malaysia selama ini terlalu bergantung kepada bahan mentah dari luar negara terutama tenusu, berikutan bekalan susu domestik terhad, selain kekurangan kilang khusus mengeluarkan bahan be-

rasakan serbuk bagi memprosesnya yang secara langsung memberi kesan kepada harganya di pasaran.

"Industri harus digalakkan mewujudkan pusat inovasi dan kilang pengeluaran di sini (Malaysia). Pada masa sama, kerajaan harus mengenal pasti syarikat tempatan yang berkemampuan dan berminat terbahagi dalam sektor itu.

"Seharusnya ada perancangan rapi termasuk insentif daripada kerajaan untuk memastikan penabitan penggiat tempatan," kata MyCC.

Laporan itu antara lain turut mencadangkan semua sektor menayakan Polisi Penyusuan Susu Ibu Kebangsaan yang diperkenalkan Kementerian Kesihatan, selain mendidik orang ramai bahawa susu rumusan bayi berjenama perdana yang harganya lebih murah juga mengandungi nutrisi diperlukan bayi seperti produk premium.

Selain itu, kerajaan juga harus memperkenalkan jenama dalaman untuk produk rumusan bayi berjenama premium dengan peruncit sedia ada untuk menambah pilihan kepada pengguna dan men-



Perbandingan harga susu

Negara	Harga susu jenama premium (RM)		Harga susu jenama perdana (RM)	
	900 gram	900 gram	900 gram	900 gram
Australia	85.26	42.83		
Indonesia	115.30	50.74		
Filipina	96.80	45.99		
Thailand	109.09	47.34		
Malaysia	114.99	30.50		

nyalahkan untuk produk itu harus berbeza dengan susu peringkat satu dalam aspek warna, reka bentuk, slogan dan simbol," katanya.

Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Iskandar Ismail, berkata

Malaysia perlu memulakan langkah sekarang untuk mengeluarkan susu rumusan bayi di negara ini, bagi mengurangkan harga produk itu dalam pasaran serta memberi lebih banyak pilihan kepada pengguna.